



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه قينخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG

TEKS KHUTBAH
**CELIK DIGITAL,
TEGUH AKIDAH**

Tarikh Bacaan:
14 OGOS 2026M / 1 RABIULAWWAL 1448H

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM
PULAU PINANG

***Jawatankuasa
Panel Semakan Teks Khutbah
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



Celik Digital, Teguh Akidah

14 Ogos 2026M/ 1 Rabi'ulawwal 1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِن جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَبَأٍ فَتَبَيَّنُوا أَن تُصِيبُوا قَوْمًا
بِجَهْلَةٍ فَتُصْبِحُوا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَادِمِينَ ﴿٦﴾ سورة الحجرات

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَرَاقِبُوهُ فِي السِّرِّ وَالْعَلَنِ، وَاعْلَمُوا أَنَّ
مَنْ تَمَسَّكَ بِدِينِ اللَّهِ حَفِظَ اللَّهُ لَهُ إِيمَانَهُ وَعَقِيدَتَهُ فِي كُلِّ زَمَانٍ وَمَكَانٍ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى,
dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala
larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba-
Nya yang memperoleh kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan di
akhirat.

Khatib juga ingin mengingatkan para jemaah agar memberikan
sepenuh perhatian dan tumpuan kepada khutbah yang sedang
disampaikan, memelihara adab-adab Jumaat dengan menjauhi segala

bentuk perkara yang boleh melalaikan dan merosakkan kekhusyukan kita kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

Bagi melengkapkan kewajipan solat Jumaat pada minggu ini, marilah kita bersama-sama menghayati khutbah yang bertajuk: **Celik Digital, Teguh Akidah.**

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Islam bukan sekadar agama ibadah, bahkan agama yang membimbing manusia mengatur kehidupan. Ia juga membimbing penganutnya mengurus maklumat dan komunikasi dengan penuh amanah. Firman Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** dalam Surah al-Hujurat ayat 6:

Maksudnya: *"Wahai orang-orang yang beriman, jika datang kepada kamu seorang yang fasik datang membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan dengan perkara yang tidak diingini – dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan."*

Prinsip tabayyun yang diperintahkan oleh Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** amat penting kerana maklumat tersebar dengan begitu pantas. Berita benar dan berita palsu bergerak pada kelajuan yang sama. Tanpa semakan yang teliti, fitnah dan kekeliruan mudah tertular dalam masyarakat. Jangan sampai kita menjadi mangsa, apatah lagi menjadi punca penyebarannya. Janganlah tergesa-gesa menyebarkan sesuatu maklumat, sebelum dipastikan kebenaran dan manfaatnya.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Kehidupan manusia pada hari ini tidak lagi dapat dipisahkan daripada dunia digital. Ramai antara kita memulakan hari dengan melihat telefon pintar sebelum melakukan urusan yang lain. Cuba kita bertanya kepada diri sendiri, apabila tersedar daripada tidur pada setiap pagi, adakah nama Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** yang terlebih dahulu hadir di bibir atau telefon pintar yang terlebih dahulu berada di tangan?

Hakikat yang perlu kita akui ialah semakin canggih teknologi, semakin besar juga cabaran terhadap iman dan akhlak. Jika dahulu manusia perlu berusaha mencari maklumat, hari ini maklumat datang sendiri kepada manusia melalui pelbagai platform digital. Dalam keadaan ini, pelbagai pengaruh dan fahaman tersebar dengan begitu pantas sehingga mempengaruhi jutaan manusia dalam tempoh yang singkat. Persoalannya, apakah pengaruh yang paling kita bimbangi?

Sudah pastilah ia menjadi ancaman terhadap akidah dan pemikiran umat Islam. Tanpa disedari, apa yang dibaca, ditonton dan didengar setiap hari sedikit demi sedikit membentuk cara kita melihat agama, kehidupan dan kebenaran.

Pelbagai fahaman yang bercanggah dengan ajaran Islam disampaikan dalam bentuk yang menarik dan meyakinkan. Ada yang mengajak manusia meragui kewujudan Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Ada yang mempertikaikan hukum-hakam agama yang telah disepakati oleh para ulama. Ada juga yang cuba menormalisasikan perkara yang jelas bercanggah dengan syariat atas nama kebebasan dan kemodenan.

Lebih merisaukan, apabila perkara tersebut disampaikan oleh individu yang mempunyai pengaruh besar di media sosial. Ramai yang lebih mudah mempercayai kata-kata pempengaruh berbanding pandangan ulama dan institusi agama yang berautoriti. Akibatnya, lahirlah generasi yang celik teknologi tetapi lemah kefahaman agama serta mudah terdedah kepada syubhah dan kekeliruan.

Sebab itulah umat Islam perlu sentiasa menjadikan al-Quran, al-Sunnah dan panduan para ulama muktabar sebagai rujukan utama. Janganlah kita menjadikan media sosial sebagai sumber utama dalam memahami ajaran agama sehingga mudah menerima sesuatu pandangan tanpa penelitian dan bimbingan ilmu yang sahih.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam tidak menolak kemajuan teknologi tetapi perlu dipandu oleh iman dan takwa. Teknologi yang dipandu oleh wahyu akan membawa manfaat kepada manusia, manakala penyalahgunaannya boleh merosakkan akhlak, pemikiran dan kehidupan.

Media sosial tidak boleh dibiarkan membentuk cara berfikir, nilai hidup dan pegangan agama umat Islam tanpa kawalan ilmu dan syariah. Setiap Muslim wajib menjadikan al-Quran, sunnah dan bimbingan para ulama yang muktabar sebagai neraca dalam menilai setiap maklumat, bukan terpengaruh dengan jumlah pengikut, populariti atau kandungan yang tular.

Sikap menerima, mempercayai dan menyebarkan sesuatu tanpa *tabayyun* hanya akan membuka ruang kepada fitnah, perpecahan dan kerosakan akidah serta akhlak. Justeru, media sosial hendaklah

dimanfaatkan sebagai medan menyebarkan kebenaran dan kebaikan, bukannya menjadi saluran yang merosakkan pemikiran, mencemarkan maruah dan menjauhkan manusia daripada petunjuk Allah ﷻ.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran penting untuk dijadikan panduan dalam kehidupan.

Pertama: Umat Islam hendaklah menjadi pengguna teknologi yang celik digital dengan menilai dan menyemak setiap maklumat sebelum menerima atau menyebarkannya.

Kedua: Akidah yang teguh perlu dikukuhkan melalui ilmu agama yang sahih, pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan bimbingan para ulama yang muktabar.

Ketiga: Media sosial dan teknologi digital hendaklah digunakan secara beretika, bertanggungjawab serta tidak melalaikan daripada kewajipan kepada Allah ﷻ.

Keempat: Teknologi hendaklah dijadikan medium dakwah, penyebaran ilmu dan pembangunan ummah agar kemajuan yang dicapai membawa keberkatan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Firman Allah ﷻ dalam Surah al-Ahzab ayat 70-71:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ﴿٧٠﴾ يُصْلِحْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ

لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا ﴿٧١﴾

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara). Supaya Dia (Allah) memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah), sesiapa yang taat Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan."

(Surah al-Ahzab ayat 70-71)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

2026M/1448H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.
صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ
وَمَرْضَاتِهِ.

MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2012
yang bersidang pada 25 Mei 2012 memutuskan bahawa **membid'ahkan,**
menghina atau **memperlekeh** amalan-amalan Ahli Sunnah Wal
Jamaah yang muktabar adalah **dilarang.**

Larangan ini meliputi amalan seperti *talqin*, bacaan al-Quran di kubur, tahlil, kenduri arwah, menghadihkan pahala kepada si mati, qunut Subuh, doa berjemaah, tawassul, zikir berjemaah, bacaan Surah Yasin pada malam Jumaat atau majlis kebesaran Islam, solat tarawih 20 rakaat, solat hajat berjemaah, menyapu muka selepas salam, dua kali azan Jumaat dan melafazkan niat dalam ibadah.

Sehubungan itu, mana-mana orang Islam atau kumpulan adalah dilarang membid'ahkan, menghina, memperlekeh, serta mengajar, menyebarkan atau menghebahkan pandangan yang mencela amalan-amalan tersebut sama ada melalui perkataan, penulisan, perbuatan atau apa-apa jua medium.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِلْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ انْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فَيْمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَلَايَةً قَوْلَاو فَيَنْعَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang; Jadikanlah
kami dan zuriat keturunan kami dalam kalangan hamba-Mu yang
istiqamah memakmurkan masjid, menunaikan zakat melalui Zakat
MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri
Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ

عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكلام إسلام قولاه فینخ
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG